

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld 3 ( 2 )

12 Mac 2023  
19 Syaaban 1444H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 17/2023

### PENGGUNAAN FRASA “MALAYSIA MADANI” DALAM PENYEDIAAN SURAT RASMI

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 5/2023 bertarikh 7 Mac 2023 telah mengambil maklum penggunaan frasa “**MALAYSIA MADANI**” dalam penyediaan surat rasmi Universiti Teknologi Malaysia berdasarkan surat edaran JPA.100-1/4/1 (11), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 15 Februari 2023.

2. Sehubungan dengan itu, penggunaan frasa “**MALAYSIA MADANI**” perlu ditambah sebelum frasa “**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**” (surat kepada pihak luar) atau “**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH**” (surat dalaman) dalam penyediaan semua surat rasmi.
3. Pemakaian frasa ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam memperluaskan agenda dan hala tuju Kerajaan kepada semua Kementerian dan agensi Kerajaan.
4. Bersama-sama ini disertakan panduan bagi penulisan frasa tersebut sebagaimana di lampiran. Penggunaan frasa ini adalah berkuat kuasa serta-merta berdasarkan surat edaran Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

“**MALAYSIA MADANI**”

“**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH**”

Saya yang menjalankan amanah,



(**NOR AZIZAH BINTI ISMAIL**)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

NMZ/msn/kma

**CONTOH PENULISAN FRASA “MALAYSIA MADANI”  
DI BAHAGIAN PENUTUP SURAT**

**Surat menyurat kepada pihak luar**

**“MALAYSIA MADANI”** (Cogan kata)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”** (Cogan kata)

Saya yang menjalankan amanah, (Penanda Akuan)

(Tandatangan Pengirim)

.....

(Nama Pengirim)

**Surat menyurat untuk kegunaan dalaman**

**“MALAYSIA MADANI”** (Cogan kata)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”** (Cogan kata)

Saya yang menjalankan amanah, (Penanda Akuan)

(Tandatangan Pengirim)

.....

(Nama Pengirim)